



## SIARAN MEDIA

### MAKLUM BALAS KEPADA MEDIA BERKAITAN ISU

#### BENIH PADI DAN RACUN

#### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

- Pesanan benih padi sah dilakukan dalam tempoh 5 hingga 6 bulan sebelum musim penanaman bermula kepada kesemua pengeluar benih padi sah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.
- Walau bagaimanapun, ada sebahagian pengeluar tidak dapat membekalkan sepenuhnya sebagaimana yang dipesan berdasarkan kepada kapasiti pengeluaran semasa, perubahan pesanan pada saat-saat akhir dan sebagainya.
- Kerajaan telah menetapkan harga RM28 bagi setiap beg benih padi sah seberat 20-kilogram (kg) untuk dijual di pintu kilang pengeluar benih padi sah. Walau bagaimanapun, transaksi seterusnya boleh menyumbang kepada eksploitasi harga oleh ejen-ejen atau orang tengah.
- Melalui sesi dialog Kementerian bersama wakil para petani langkah-langkah jangka pendek dan panjang akan diambil bagi mengatasi permasalahan seperti berikut:
  - I. Memperkenalkan harga siling benih padi untuk dibeli oleh petani.
  - II. Membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk turut serta dalam penghasilan benih padi sah termasuklah pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), swasta dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak yang akan dilantik kelak tetap dipantau dan dinilai secara teknikal dan kewangan menerusi Jawatankuasa yang akan dilantik.

- III. Melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pengedar tunggal benih padi sah terus kepada pesawah.
  - IV. Pengedaran dan pembekalan benih padi sah ini akan dikawal menerusi sistem yang akan dibangunkan oleh NAFAS secara atas talian. Oleh yang demikian, pemantauan dan kawal selia dapat dilaksanakan dengan lebih baik.
  - V. Melaksanakan pembelian benih padi sah menerusi sistem kupon.
- Bagi isu racun padi CL2, penggunaan yang tidak mengikut peraturan yang betul pada *label* boleh menyebabkan keberkesanan racun yang tidak konsisten dan juga menjadikan keadaan di mana rumpai tersebut menjadi rintang atau *resistance*. Ini menyebabkan produk yang terhasil daripada kajian saintifik berubah sebaliknya akibat tidak patuh arahan pada *label*.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**13 OKTOBER 2020**